

# UCAPAN DASAR

## PRESIDEN PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS)

### Muktamar Tahunan PAS ke - 59

2013

الحمد لله الذي أكرمنا بنعمة الإسلام , وفضلنا على كثير من الأمم. والصلاة والسلام  
على سيدنا محمد نبي الرحمة, وعلى آله وأصحابه أفضل الصلوات وأزكى  
التسليمات.

#### Mukaddimah

Yang dihormati Dato' Pengerusi Tetap, YB Tuan Guru Datuk Bentara Setia Mursyidul 'Am, Sohibul Fadhillah Dato' Timbalan Mursyidul 'Am, Ashab al Fadhillah Ahli Majlis Syura Ulama, Timbalan Presiden, Naib-Naib Presiden, Dato' Setiausaha Agung, Ketua-Ketua Dewan Ulama – Pemuda - Muslimat dan Dewan Himpunan Penyokong PAS, seluruh Anggota Dewan Harian, Ahli-ahli Jawatankuasa PAS Pusat, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya PAS Negeri dan Wilayah Persekutuan, Pengarah Muktamar dan ahli Jawatan kuasanya, sahabat-sahabat pimpinan dari Pakatan Rakyat, pimpinan NGO, Wakil-wakil Kedutaan Asing, semua para jemputan, para perwakilan, muslimin dan muslimat yang dikasihi sekalian.

Selamat datang (*Ahlan wa sahlan wa Marhaban bikum*) kepada semua rakan taulan seperjuangan dan para tetamu jauh dan dekat, serta para pemerhati yang sudi memeriahkan Muktamar PAS kali ke 59 ini.

Pertamanya marilah sama-sama kita mengucapkan puji dan syukur ke hadrat Allah SWT yang telah mengurniakan kepada kita anugerah Islam yang sempurna yang kita imani, menjadi penyelamat kita untuk bertemu Tuhan Rabbul Jalil di hari yang tidak ada naungan melainkan naungan rahmat Allah SWT. Dengan Iman dan Islam inilah kita mesti beristiqamah di atas jalan perjuangan yang dirintis oleh para Nabi dan Rasul A.S. sejak zaman berzaman, berdepan dengan cabaran dan dugaan yang menguji iman kita sehinggalah kita bertemu dengan Allah SWT nanti. Marilah kita sama-sama menghayati firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya :

*"Dan sesungguhnya Kami benar-benar akan menguji kamu agar ternyata yang Kami mengetahui orang-orang yang berjihad dan bersabar di antara kamu; dan agar Kami menyatakan (baik buruknya) hal ehwalmu." [Muhammad :31]*

**Hadirin-hadirat sekalian,**

## **MUKTAMAR KE 59 : RAHMAT UNTUK SEMUA**

1. Kita berkumpul pada hari ini, dalam Muktamar Agung Tahunan kali yang ke 59, dengan tema **"RAHMAT UNTUK SEMUA"** adalah berpaksikan kepada keyakinan kita bahawa perjuangan Islam yang dibawa oleh PAS menerusi wadah tarbiyah-dakwah-siyasah yang tidak berpisah, membawa mesej Islam yang dibawa oleh para Nabi dan Rasul A.S. yang di khatam (tamat) dan disempurnakan dengan Nabi Muhammad S.A.W. bagi membawa RAHMAT ke seluruh alam. Firmah Allah SWT :

رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

*"Dan tiadalah Kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam" [al-Anbiya : 107]*

2. Marilah sama-sama kita memahami, bahawa apa yang kita bawa ini bukan bersifat retorik dan bukannya suatu janji-janji indah yang ingin mengaburi pandangan manusia atau mengelirukan kefahaman. Maudu' kita adalah ISLAM yang berteraskan kepada keyakinan yang dipahat dengan tegas dalam Fasal 3 Perlembagaan PAS. Inilah Islam yang nyatakan oleh Rasulullah S.A.W. membawa RAHMAT adil kepada masyarakat majmuk yang bersaudara di atas kemanusiaan yang di isytiharkan oleh Allah :

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ بِالْحَقِّ لَتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ بِمَا أَرَبَكَ اللَّهُ  
وَلَا تَكُنْ لِلْخَائِبِينَ خَصِيمًا

*Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu (Wahai Muhammad)  
Kitab (al-Quran) dengan membawa kebenaran, supaya Engkau*

*menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu (melalui wahyuNya); dan janganlah Engkau menjadi Pembela bagi orang-orang yang khianat. [An Nisa' : 105]*

Bukannya Islam mengikut takrifan sekularisma yang memberikan makna Islam itu sebagai agama yang tidak mempunyai kaitan antara kehidupan dunia dan akhirat.

3. Dasar Islam dan mesej inilah yang menjadi RAHMAT kepada semua manusia, termasuklah kepada semua makhluk dan alam ciptaan Allah SWT. Oleh yang demikian, kerahmatan yang ingin dibawa oleh PAS untuk semua pihak ini berlaku apabila PAS adalah sebuah gerakan islah dan tajdid, berbeza dengan kumpulan Islam lain yang menjadi saudara seperjuangan mengikut medannya yang terhad. Tugas kita ialah membetulkan fahaman salah dalam masyarakat dan negara yang dipengaruhi oleh pemikiran asing yang pernah menjajah umat Islam. PAS memperjuangkan rahmat Allah daripada ajaran Islam yang membawa keadilan sejagat.

4. Untuk membawa mesej ini, maka organisasi parti kita hendaklah menyediakan rangka kerja yang berstruktur, mempunyai objektif dan sasaran kerja yang konstruktif, pejabat yang lengkap, sistem pengurusan konflik, petunjuk prestasi dalam mencapai sasaran jamaah, dan bukannya sekadar retorik ucapan semata-mata.

5. Sebagaimana yang selalu saya pertegaskan, bahawa PAS bukanlah parti politik semata-mata, tetapi kita adalah sebuah gerakan Islam yang bergerak dalam jalur tarbiyah – dakwah – siyasah mewarisi cita-cita perjuangan yang menjadi tugas kita sebagai khilafah di atas muka bumi ini yang meletakkan politik menjadi agenda penting yang tidak boleh dipisahkan daripada agama Islam. Maka tentulah menjadi satu kesilapan sekiranya menyamakan PAS dengan parti-parti dan kumpulan Islam yang lain.

**Hadirin – hadirat sekalian,**

### **SOROTAN PRU KE-13**

6. Muktamar ke-59 pada tahun 2013 ini diadakan pada penghujung bulan November 2013, di luar kebiasaan muktamar tahunan PAS yang biasanya diadakan pada bulan Jun atau Julai setiap tahun. Penangguhan ini adalah untuk memberi ruang yang seluasnya kepada persiapan dan gerakerja menghadapi Pilihan Raya Umum ke 13 yang baru sahaja berlalu pada bulan Mei lalu.

7. PAS bersama Pakatan Rakyat telah turun ke gelanggang PRU-13 di padang yang tidak sama rata dengan Barisan Nasional, kerana proses demokrasi pilihan raya sesebuah negara yang merdeka bukan sahaja aktiviti berkempen dan hari pembuangan undi atau pun urusan keputusan pilihan raya sahaja. Pilihan raya juga bukanlah semata-mata janji jalanraya dan rumah, tiang elektrik, tilam – bantal, basikal percuma dan sebagainya, tetapi adalah medan rakyat memilih parti yang akan menjalankan amanah memimpin negara.

8. Kita terus berdepan dengan media arus perdana yang tidak berlaku adil, betapa parahnya rasuah wang ringgit dan projek segera yang dijanjikan kepada rakyat, sedangkan projek terdahulu ada yang belum pun nampak tandanya, penggunaan jentera dan agensi kerajaan dalam aktiviti berkempen, dan berbagai lagi bentuk penyalahgunaan serta kepincangan yang merendahkan taraf pemikiran rakyat malah mengancam sistem demokrasi di negara kita.

9. Dalam keadaan kekurangan ini, alhamdulillah kita masih mampu bertahan dalam keadaan undi popular di kalangan rakyat yang bertambah sehingga kerajaan BN yang ada di hari ini adalah kerajaan minoriti sokongan pengundi, dan hanya mempunyai majoriti jumlah kerusi parlimen, disebabkan sistem *first past the post* yang diamalkan dalam sistem pilihan raya. Kita kekal di Kelantan, Selangor dan Pulau Pinang. Kerajaan Persekutuan BN minoriti rakyat ini pula hanya mampu memperolehi 46.53% sokongan pengundi, berbanding Pakatan Rakyat yang mencapai sokongan 49.96% melalui jumlah undi keseluruhan.

10. Kedudukan kita yang sedemikian ini, hendaknya sedikit pun tidak melemahkan semangat kita semua untuk terus berjuang. Kekalahan kita yang menyebabkan hilangnya kerajaan negeri Kedah pula, wajar diteladani, tetapi janganlah sehingga melemahkan semangat sehingga kita lupa erti sebenar perjuangan. Kita masih menjadi pilihan rakyat di DUN Sungai Limau Kedah, dalam Pilihan raya Kecil yang baharu sahaja berlalu. Kita wajib muhasabah diri sendiri secara dalaman, bukan hanya menjadikan lawan sahaja sebagai penyebab kekalahan kita. Semua itu wajar menjadi sempadan dalam lipatan sejarah dalam kita bergerak ke hadapan. Allah berfirman kepada generasi awal yang tewas dalam peristiwa Uhud :

أَوَلَمَّا أَصَبْتُمْ مُمْصِيْبَةً قَدْ أَصَبْتُمْ مِثْلَهَا قُلْتُمْ أَنَّى هَذَا قُلْ هُوَ  
 مِنْ عِنْدِ أَنْفُسِكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٦٥﴾

(Patutkah kamu melanggar perintah Rasulullah)? dan (kemudiannya) apabila kamu ditimpa kemalangan (dalam peperangan Uhud), yang kamu telahpun memenangi seperti itu sebanyak dua kali ganda (dengan menimpakan kemalangan kepada musuh dalam peperangan Badar), kamu berkata: "Dari mana datangnya (kemalangan) ini? "Katakanlah (Wahai Muhammad): "Kemalangan) itu ialah dari kesalahan diri kamu sendiri (melanggar perintah Rasulullah)". Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. [al - Imran : 165]

**Hadirin – hadirat sekalian,**

11. Alhamdulillah, kita juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada seluruh jentera parti, rakan – rakan dalam Pakatan Rakyat, dan rakyat yang memberikan respon positif dengan benih sulung PAS menerusi PRU-13 lalu di Melaka iaitu di kerusi DUN Bukit Baru, dan lain – lain tambahan kerusi DUN dan Parlimen yang baharu dimenangi di seluruh negara.

12. Kepada ahli PAS yang dipikulkan amanah kemenangan dalam PRU-13, seterusnya memegang tampuk kuasa pemerintahan dalam sebuah kerajaan, termasuklah yang dilantik ke jawatan penting seperti Ahli Dewan Negara, Ahli Majlis Perbandaran dan Daerah, Ketua Kampung dan Ahli Lembaga Pengarah; marilah sama-sama kita menghayatinya dengan membaca firman Allah SWT :

مَّا آتَاكُمُ الْاَرْضُ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ  
 مَّا آتَاكُمُ اِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَاِنَّهٗ لَغَفُوْرٌ رَّحِيْمٌ ﴿١٦٥﴾

"Dan Dialah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian (yang lain) beberapa derajat, untuk mengujimu tentang apa yang diberikan-Nya kepadamu. Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat siksaan-Nya, dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang" [al – An'am :165]

Semua di kalangan mereka ini perlulah sabar dengan ujian, melakukan persiapan rapi, bermaklumat, mendampingi rakyat tanpa penat lelah; insyaAllah semua amalan yang dilakukan dengan ikhlas ini akan diberikan kebaikan oleh Allah SWT.

13. Bagi membawa mesej RAHMAT UNTUK SEMUA ini, PAS akan terus menjadi rakan aktif dalam Pakatan Rakyat (PR). Ingatlah, bahawa kita bukan penumpang semata-mata, rakan-rakan kita juga bukan penumpang, tetapi semua parti-parti dalam PR adalah penggerak bersama untuk memperkukuhkan peranan dalam membawa persefahaman politik ini ke tahap yang lebih maju dan seterusnya memikul amanah yang berat ini.

**Hadirin dan hadirat sekalian,**

### **MEMIKUL AMANAH DALAM NEGARA**

#### **AGAMA**

14. Umat Islam yang ada dalam negara kita ini dikejutkan dengan rentetan serangan isu-isu berkaitan dengan agama Islam yang menjadi agama persekutuan negara kita ini, disamping suasana yang tidak harmoni cuba dicituskan oleh kalangan yang ingin mengambil kesempatan darinya. Rakyat awam di jalanan pula diajak untuk memberikan ulasan, pandangan malah kritikan, walaupun kadangkala melangkaui sempadan hukum Islam yang jelas sumber rujukannya. Maka timbullah isu "Kalimah Allah", isu mazhab, hudud, dan sebagainya yang diulas di tepi-tepi jalan oleh mereka yang bukan ahlinya. Perkara ini sebenarnya pernah berlaku sejak ribuan tahun yang lalu.

15. PAS sekali lagi ingin menegaskan, bahawa isu-isu agama yang penuh sarat dengan hukum syariatnya, yang bersendikan rujukan al-Quran dan as-Sunnah serta pandangan ulama muktabar sepanjang zaman, tidak wajar menjadi barang dagangan yang boleh dijual ke sana sini. Apatah lagi isu yang sensitif dan jelas susur galur hukumnya ini sedang dijadikan senjata politik oleh kerajaan UMNO-BN untuh meraih sokongan mereka yang semakin menipis.

16. Ahli-ahli pula tidak sepatutnya mudah terpengaruh dengan permainan media fasik yang tidak mengira dosa dan pahala. Marilah kita memahami peringatan dari Allah SWT :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ  
فَتُصِيبُوا عَلَى مَا فَعَلْتُمْ نَذِيرًا ﴿٦١﴾ الحجرات .

*"Wahai orang-orang yang beriman! jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan kebenarannya), supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan" [al-Hujurat :9]*

17. PAS menerusi Lajnah Penerangan dan Dakwah, dengan dibantu oleh Dewan Ulama – Pemuda – Muslimat mestilah digerakkan sepenuhnya untuk membawa mesej dakwah ke dalam masyarakat Islam secara berkesan untuk menjelaskan kekeliruan yang cuba ditimbulkan. Semua jentera penting parti ini mesti digerakkan bagi membentuk masyarakat Islam yang berilmu dan memahami agama mereka dengan lebih baik menurut sumbernya yang sahih.


18. Semua Dewan-Dewan dalam organisasi PAS adalah sama penting dan saling lengkap melengkapi antara satu sama lain dalam menggerakkan usaha dakwah – tarbiyah dan siyasah ke dalam masyarakat kita. Oleh yang demikian, semua Dewan ini mestilah digerakkan aktiviti dengan mewujudkan budaya kerja *inter*-Dewan, supaya objektif yang ingin dicapai akan lebih mendalam kesannya.

19. Usaha berterusan oleh Dewan-Dewan ini perlu digembeling dengan lebih hebat lagi, sebagai usaha untuk merakyatkan perjuangan dan melaksanakan program-program berkebajikan PAS, menyantuni masyarakat dan seterusnya membangunkan mereka agar menjadi rakyat yang bukan sahaja murni aqidahnya, tetapi turut memahami isu-isu sosio ekonomi dan politik yang ada disekeliling mereka. Pimpinan juga perlulah menyediakan diri dengan dinamika topik besar seperti isu perlembagaan, pentadbiran kerajaan, hak asasi manusia, sistem kewangan, alam sekitar, isu kewanitaan dan kekeluargaan, di mana semuanya memerlukan kita mempunyai keupayaan baru untuk mengupas dengan lebih terperinci.

20. Untuk masyarakat bukan Islam pula, semua jentera parti mestilah mendekati dan memberikan penjelasan supaya rakan-rakan kita itu memahami mesej yang kita bawa, dan dalam masa yang sama kita juga memahami keperluan rakan-rakan kita. Untuk itu, Dewan Himpunan Penyokong PAS adalah jambatan penting menghubungkan peranan kita dalam masyarakat majmuk.

21. Rakyat pula wajar diberikan ruang seluas-luasnya untuk mendalami ilmu, serta mewujudkan suasana kehidupan beragama dalam kehidupan mereka.

Janganlah kerajaan UMNO-BN yang ada ini menjadi seperti kerajaan Firaun yang membodohkan rakyat mereka dengan umpan kebendaan, sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam al-Quran :



*Maka Fir'aun mempengaruhi kaumnya sehingga menjadi bodoh, lalu mereka patuh kepadanya. Kerana sesungguhnya mereka adalah kaum yang fasik. [az-Zukhuf : 54]*

## **PENDEMOKRASIAN**

22. Walaupun berdepan dengan cabaran getir dalam mengharungi pentas demokrasi yang dipesongkan daripada dasar dan konsepnya yang sebenar, PAS tetap memilih pendekatan demokrasi dalam ruang siyasah yang ada. Kita percaya bahawa demokrasi yang adil secara menyeluruh, adalah mampu untuk menyelesaikan masalah dalaman umat Islam yang jahil agamanya, serta tidak sabar dalam menyampaikan risalah dakwah. Sebarang kecacatan yang berlaku terhadap sistem demokrasi, adalah akibat dari pencabulan dan campurtangan pihak yang menggunakan demokrasi untuk mengekalkan kuasa politik dan ekonomi mereka.

23. Dalam masa yang sama, memperjuangkan demokrasi ini bukan bermakna PAS akan luntur cita-cita Islamnya. Bahkan PAS akan terus bertegas mempertahankan Islam sebagai agama persekutuan mengikut tafsirannya yang sebenar, dan perkara-perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dari digugat oleh mana-mana pihak. Di peringkat antarabangsa pula, menerusi sesi pendengaran Proses Semakan Berkala Sejagat Majlis Hak Asasi Manusia anjuran Bangsa-Bangsa Bersatu, PAS menyeru kepada pihak kerajaan supaya tidak menandatangani sebarang persetujuan yang bercanggah dengan Islam. Kerajaan juga mestilah menolak mana-mana cadangan yang bertentangan dengan *status quo* undang-undang persekutuan mengenai kedudukan agama Islam dalam negara dan sebarang usaha untuk membawa rakyat dalam negara kita ini untuk mengamalkan gaya hidup bebas songsang yang terbabas dari tabii kehidupan penciptaan manusia.



24. Kita juga secara konsisten memperjuangkan demokrasi yang lebih telus dan adil, kerana demokrasi tempang yang ada di negara kita ini adalah senjata kepada UMNO-BN untuk mengekalkan kuasa mereka. Lihatlah sahaja bagaimana Kerajaan Persekutuan pimpinan UMNO-BN telah menghukum rakyat Kelantan sebagai contohnya, apabila menafikan pilihan suara hati rakyat Kelantan selama 23 tahun dengan memilih kita sebagai kerajaan yang memerintah di Kelantan. Rakyat Kelantan dinafikan hak royalti petroleum, setelah merompak hak rakyat Terengganu dengan usul dalam Perhimpunan Agung UMNO. Kerajaan Persekutuan juga mewujudkan Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) sebagai satu tindakan menubuhkan kerajaan lain dalam sebuah kerajaan yang sah, di mana ini telah mencabuli hak rakyat memilih dan konsep Federalisme dalam Perlembagaan.

25. PAS akan terus merangka strateginya yang khusus dalam membawa kefahaman pendidikan demokrasi kepada rakyat di seluruh negara, terutamanya yang masih merasa takut untuk menyatakan yang benar dengan menggunakan kertas undi. Ini adalah untuk melahirkan rakyat yang mempunyai jiwa merdeka, dan berani untuk menjadi hakim yang adil dalam memilih kerajaan yang akan menjalankan amanah kepimpinan negara dalam pilihan raya akan datang.

## **MENANGANI PSIKOLOGI POLITIK PENGUNDI TERAS**

26. Salah satu aspek terpenting yang perlu semua kepimpinan PAS fahami ialah, perlunya kita berusaha dengan lebih gigih untuk memadamkan mitos dongeng di kalangan segelintir orang Melayu di luar bandar bahawa hanya UMNO-BN sahaja yang boleh memerintah negara kita ini. Tidak kita nafikan, bahawa sikap kebergantungan kepada parti pemerintah, pegangan agama yang rapuh, tahap pendidikan dan ekonomi yang lemah, maklumat yang tidak sampai – semuanya memerlukan satu kerangka strategi yang khusus dari PAS.

27. Dalam masa yang sama juga, **kita mestilah lebih memahami psikologi politik atau *psiko-politik* orang – orang Melayu di luar bandar dan pengundi atas pagar** dalam memahami mesej kita. Dengan memahami psiko-politik pengundi Melayu ini, maka tindakan dan gerakerja yang lebih tepat akan dapat dirangka dan dilaksanakan ke arah menarik mereka sebagai pengundi PAS bahkan sehingga mereka bersedia menjadi ahli PAS.

28. Antara psiko-politik pengundi Melayu ialah kegagalan untuk membezakan antara parti pemerintah dan sebuah kerajaan. Akibatnya, ada yang beranggapan bahawa UMNO ialah Kerajaan dan Kerajaan ialah UMNO. Pemahaman sebegini dalam kotak fikiran mereka telah membuahkan mentaliti : (1) bahawa jika ubah parti pemerintah bererti meruntuhkan keseluruhan kerajaan, seterusnya menimbulkan ketakutan terutamanya kepada pegawai kerajaan dan keluarga mereka; (2) bahawa harta dan jentera kerajaan adalah harta dan jentera UMNO, menyebabkan mereka tidak menganggap salah perbuatan pimpinan UMNO menggunakan sumber kewangan kerajaan dalam merasuah pengundi secara terang terangan. Apa yang lebih parah ialah, ada juga yang beranggapan bahawa menentang UMNO-BN adalah satu kesalahan penderhakaan kepada kerajaan, seterusnya menghasilkan psikologi perasaan bersalah jika mengundi bukan parti kerajaan.

29. Dalam kita mendepani isu ini, maka kita perlu merancang secara komprehensif dan tepat bagi membentuk tindakan dan gerakerja yang sesuai secara sistematik dalam mengubah psiko-politik orang Melayu. Walaupun sesetengah psiko-politik tersebut melibatkan budaya Melayu sendiri dan memakan masa, sesetengah yang lain pula boleh diubah dengan cepat jika disertai dengan hujah-hujah yang kukuh. Sebagai contoh, mentaliti yang tidak membezakan antara Parti Pemerintah dan Kerajaan mungkin akan dapat ditangani dengan mengambil langkah-langkah mudah seperti (1) memastikan agar ke semua aktiviti penerangan PAS agar mengubah dari frasa “Menukar Kerajaan” kepada “Menukar Parti Pemerintah”; (2) memberikan kefahaman berterusan bahawa parti pemerintah seperti UMNO boleh ditukar, manakala kerajaan boleh sentiasa kekal dan ditambah baik; (3) menumbangkan parti pemerintah UMNO bukanlah bermakna menumbangkan kerajaan kerana yang nak ditukar ialah parti pemerintah bukannya kerajaan Malaysia; dan sebagainya.

### **MEMPERKUKUHKAN PENDIDIKAN SEBAGAI HAK ASASI RAKYAT**

30. Kita sama-sama menyedari dan insaf, bahawa pendidikan adalah hak asasi setiap orang untuk membina potensi keilmuan dan jati diri sehingga mampu menjadi khalifah Allah SWT di muka bumi dan menguruskannya dengan fitrah semula jadinya. Ibnu Khaldun menyebutkan bahawa pendidikan adalah sebagai suatu proses persiapan seseorang dari segi manusiawi mengikut ajaran Islam, bagi menyuburkan potensi iman, membentuk akhlak yang tidak boleh dipisahkan

daripada perkembangan ilmu, menyediakan seseorang dari segi kemasyarakatan, persediaan untuk pekerjaan, membentuk pemikiran dan juga menyesuaikan diri.

31. Sebagai sebuah negara merdeka lebih daripada setengah abad, umat Islam masih menunggu sistem pendidikan negara yang menjamin masa depan generasi akan datang. Ini adalah kerana apa yang ada di bawah dasar pendidikan Kerajaan UMNO-BN adalah hanya menyediakan manusia yang hanya mengenal kemajuan kebendaan tetapi miskin jiwa dan hati budinya. Ini dapat dilihat dari :-

- Dasar pendidikan yang tidak meyakinkan, dan tidak konsisten dalam pembinaan jati diri
- Tidak melaksanakan dasar Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan
- Tidak prihatin kepada tradisi pendidikan Islam melalui sekolah agama rakyat (SAR) yang selama ini menjadi tulang belakang kepada pendidikan yang menyampaikan ilmu kepada masyarakat
- Krisis pendidikan berlaku berpanjangan di mana akhlak pelajar semakin rendah dan kesalahan juvana semakin berleluasa
- Pendemokrasian pendidikan yang bersifat materialistik

32. Sehubungan dengan itu, maka PAS menuntut supaya :

- Kerajaan Malaysia mestilah memperakui hak asasi umat Islam dalam pendidikan dengan menerima sistem pendidikan Islam sebagai salah satu sistem pendidikan arus perdana dalam negara, sekaligus membantu Sekolah Agama Rakyat (SAR).
- Hak asasi manusia bagi semua rakyat pelbagai kaum dalam negara hendaklah dijamin, di mana hak mana-mana kaum untuk mendalami bahasa ibunda mereka mestilah diperkukuhkan supaya wujudnya ruang terbuka bagi menambah kemahiran berbahasa dalam negara kita ini. PAS tidak mahu dasar pembangunan pendidikan yang dilakukan terpisah daripada tradisi budaya bangsa kerana matlamat pendidikan adalah untuk kebaikan manusia melalui sifat ihsan mereka di samping menolak sifat melakukan kerosakan.

33. Marilah kita menghayati firman Allah SWT dalam al-Quran supaya jangan melahirkan Qarun yang dibinasakan bersama harta kekayaannya yang melimpah ruah:

وَأَتَّبِعْ فِيمَا ءَاتَاكَ اللَّهُ الْدَّارَ الْآخِرَةَ ۖ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ  
 الدُّنْيَا ۖ وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَتَّبِعِ الْفَسَادَ فِي  
 الْأَرْضِ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

*"Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah Engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah Engkau melakukan kerosakan di muka bumi; Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan ". [al-Qashah : 77]*

34. Untuk memperkukuhkan komitmen PAS dalam agenda pendidikan ini, maka institusi-institusi pendidikan PAS daripada peringkat PASTI, sekolah rendah, sekolah menengah dan pengajian tinggi bahkan pusat-pusat kemahiran vokasional dan teknikal hendaklah didokong oleh ahli-ahli PAS. Pembangunan pendidikan hendaklah digarap secara lebih serius bagi mencapai matlamat memberikan pendidikan yang bermutu kepada semua ahli-ahli PAS dan anggota masyarakat. Dalam masa yang sama, usaha PAS untuk membantu pembangunan sekolah-sekolah agama rakyat melalui Majlis Kebajikan Dan Pembangunan Pendidikan (MAKPEN) hendaklah disokong sepenuhnya.

35. Dalam masa yang sama juga, kita mendapati bahawa Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) pula tidak memperlihatkan usaha kerajaan secara bersungguh-sungguh bagi menyelesaikan isu pendidikan secara umum dan khususnya pendidikan Islam di negara ini. Urusan pendidikan yang begitu penting nilai akal budinya ini diserahkan kepada konsultan luar negara dengan kos RM20 juta, memberikan gambaran bahawa kerajaan pimpinan UMNO-BN tidak yakin dengan anak nusa dan bangsa yang ada dalam negara sendiri, tanpa peduli bahawa pendidikan hendaklah mengikut acuan setempat yang berbeza di antara satu sama lain. Menggunakan makhluk asing untuk mengatur pendidikan kita adalah menempah kegagalan lagi, di mana anak-anak kita hanya sekadar menjadi bahan ujian mereka sahaja.

36. Landskap pendidikan tinggi juga perlu mengalami perubahan struktur yang ketara. Untuk menangani dan bertindak secara berkesan kepada perubahan persekitaran, institusi pengajian tinggi wajar diberikan lebih autonomi dalam berbagai sudut tertentu, dengan tujuan khusus untuk meningkat keserjanaan tulen dan bukannya pengampu politik yang berselindung di sebalik jubah akademiknya.

37. Autonomi ini perlu seimbang dengan tanggungjawab sosial melahirkan manusia berilmu dalam masyarakat, dengan rangka kerja kebertanggungjawaban yang jelas dan jaminan bahawa dana awam digunakan dengan bijak dan betul untuk mencapai cita-cita dan matlamat negara. Oleh yang demikian, satu sistem kawalan kewangan yang pruden diperlukan untuk memantau dan mengawal perbelanjaan dalam autonomi institusi pengajian tinggi.

**Hadirin dan hadirat sekalian,**

#### **EKONOMI DAN URUS TADBIR KERAJAAN**

38. Umum mengetahui bahawa pengurusan hasil negara dan dananya dalam negara yang dilimpahi sumber asli yang banyak ini memerlukan dasar fiskal yang pruden, dan pentadbir yang beramanah. Kerajaan pula menerusi agensi kewangan berpusat perlu bertanggungjawab menentukan pasaran kewangan yang adil dan lestari yang akan membudayakan akauntabiliti, kebertanggungjawaban, etika dan ketelusan, yang mana sistem kewangan akan menjana ekonomi melalui aktiviti pelaburan dan mewujudkan peluang peluang pekerjaan.

39. Semua itu boleh dicapai oleh kerangka kewangan yang adil dan lestari. Namun syarat utama yang perlu dipenuhi ke arah itu adalah semua pihak berkepentingan, iaitu pemimpin, pembuat dasar, pelaksana, dan rakyat perlu memastikan bahawa sistem kewangan yang ada mampu bekerja untuk kepentingan seluruh masyarakat dan ekosistem, bukan hanya kepada segelintir elit yang bernaung di bawah payung UMNO-putra. Mereka ternyata tidak mengambil petunjuk tasawwur daripada firman Allah :

كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ ۚ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ

عَنْهُ فَاتَّهَبُوا ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٥٦﴾

*"Supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu, dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang Nya kamu melakukannya maka patuhilah larangan Nya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintah Nya)"*

40. Akibat dari kecurangan terhadap ekonomi inilah yang kita lihat saban tahun berulang ganti masalahnya. Lihat sahaja Laporan Ketua Audit Negara 2013 yang sekali lagi menyerlahkan kelemahan serius pengurusan kerajaan BN.

41. Penyelewengan, ketirisan dan pembaziran tetap berlaku setiap tahun. PAS berpandangan bahawa perkara sebegini berlaku kerana wujudnya tangan-tangan ghaib yang lebih tinggi dan lebih berkuasa, yang bertindak mengatur segala operasi perolehan dan pengurusan kerajaan, lantas membenarkan penyelewengan dan pembaziran berterusan berlaku dengan terang dan nyata.

42. Lihat sahaja lah juga penurunan penarafan Malaysia sebagai A minus (A -) itu dari 'Stabil' pada bulan Julai kepada 'Negatif ' oleh 'Fitch Rating' iaitu sebuah Badan Penarafan Antarabangsa di Hong Kong. Implikasi penurunan 'penarafan' akan menekan kos pinjaman seperti bon dan hilang tarikan negara sebagai destinasi pelaburan.

43. Penyakit ini adalah secara khususnya berpunca dari tadbir-urus kewangan negara yang tidak pruden atau bijak. Kerajaan BN khasnya di bawah pentadbiran sekarang mesti bertanggungjawab. Dalam masa yang sama, pembentangan Bajet 2014 yang baru sahaja berlalu terus menerus menunjukkan bahawa tiadanya tindakan menyeluruh dalam memperbaiki 'kedudukan fiskal-kewangan' negara yang semakin kritikal.

44. Maka seterusnya kita ingin bertanya. Adakah sepatutnya rakyat di paksa untuk menanggung lebih beban sedangkan pada masa yang sama kerajaan terus mengamalkan penyelewengan dan pembaziran? Mana perginya "*fiqh aulawiyat*" ?

Mengapa rakyat yang perlu menanggung beban sedangkan kerajaan langsung tidak sensitif. Malah dalam ruang lingkup yang lebih besar, lebih banyak faedah yang boleh direalisasikan oleh kerajaan dan rakyat sekiranya kerajaan bersungguh membasmi penyelewengan dan rasuah. Ini kerana mengikut perangkaan Bank Dunia, rasuah dan penyelewengan boleh menjejaskan 30% daripada KDNK sesebuah negara. Jesteru, inilah yang sepatutnya menjadi keutamaan kerajaan dan bukannya menekan rakyat terlebih dahulu. Janganlah menggunakan istilah GST (sebagai bahasa yang tidak difahami oleh rakyat) dengan berselindung dibawah takrif keadilan yang sarat dengan kezaliman.

45. Dalam masa yang sama, kita juga dikejutkan dengan perundingan satu kerjasama perdagangan, yang dikenali sebagai *Trans-Pacific Partnership Agreement* (TPPA) atau Perjanjian Perkongsian Negara-Negara Rentas Pasifik didakwa sebagai perjanjian perdagangan bebas pelbagai hala yang dianggotai oleh 12 negara rantau Lautan Pasifik, dan dianggotai seramai 600 wakil dari syarikat korporat bersama-sama dengan wakil kerajaan Amerika Syarikat.

46. Dominasi perundingan oleh mereka menyebabkan kita yakin bahawa ianya adalah satu usaha tersembunyi Amerika untuk mengangkat agenda dan melindungi kepentingan korporat negara itu dalam matlamat untuk terus mengekalkan kuasa monopoli ke atas perdagangan dunia dan mengkesampingkan kepentingan rakyat negara-negara Rentas Lautan Pasifik yang lain. Wujud tanda-tanda bahawa wakil Amerika Syarikat mengenakan tekanan ke atas negara peserta yang lain khususnya yang kecil dan lemah, supaya menyokong agenda Amerika yang tidak berubah meneruskan konsep liberal kapitalisma yang bersifat global.

47. Berasaskan kepada realiti ini, PAS melihat bahawa jika sekiranya kerajaan Malaysia menandatangani perjanjian TPPA ini, maka ianya bakal mengundang mudharat yang jauh lebih besar daripada manfaat kepada rakyat negara ini.

48. TPPA mengkhianati niat tulen negara-negara yang memeterai perjanjian dan rakyat masing-masing untuk meneruskan perdagangan antarabangsa yang adil berpandukan kepada prinsip “persaingan di atas padang yang sama rata dan saksama” dan kerjasama ekonomi yang bermanfaat ke arah pertumbuhan

ekonomi yang kukuh dan stabil dan menjana kesejahteraan serta kemakmuran bersama.

49. Oleh yang demikian, PAS menyeru rakyat Malaysia supaya menentang TPPA yang dirundingkan secara rahsia itu. Adalah tidak wajar sama sekali untuk menyokong sebuah perjanjian yang akan memberi mudharat dan impak besar kepada ekonomi negara dan kesejahteraan masa depan rakyat yang isi kandungan perbincangan perjanjiannya disembunyikan daripada pengetahuan rakyat. PAS mengajak rakyat Malaysia supaya jangan membiarkan kerajaan menggadaikan generasi anak-cucu dan kedaulatan negara kepada kuasa imperialis bentuk baru yang mahu terus menjajah negara-negara lain. Sepatutnya kita berjuang di peringkat antarabangsa kepada hubungan perdagangan yang adil terhadap semua pihak.

50. Sebagaimana yang kita jangkakan, pembentangan Bajet 2014 lalu telah memperkenalkan GST atau “Good Services Tax” bagi menggantikan “Sales Services Tax”. Kita berpendirian bahawa ianya diperkenalkan sebagai satu sistem cukai yang salah. Ianya diperkenalkan tanpa mengambil kira pendapatan rakyat yang wajib disaksamakan dengan perkembangan inflasi yang lemah yang dikawal oleh kerajaan BN, menjadikannya satu sistem percukaian yang tidak adil. Pada hari ini hanya 15% dari 13 juta warga kerja dalam pasaran kerja yang membayar cukai pendapatan yakni yang melebihi gaji RM2500 sebulan. Hakikatnya ialah, warga kerja di negara ini telah mengalami pelbagai tekanan kewangan sejak beberapa dekad lamanya seperti yang didedahkan oleh Bank Dunia, menyebabkan warga kerja ini menghadapi “hutang peribadi” yang tinggi.

51. Inilah yang ingin kita perkenalkan bahawa Islam mempunyai sistem percukaianya yang tersendiri berbanding dengan sistem cukai moden. Sistem percukaian moden boleh dikenakan oleh kerajaan ke atas rakyat tanpa mengira samada cukai tersebut dikenakan ke atas barangan keperluan atau transaksi rakyat. Cukai dari segi Islam hanya dikenakan ke atas sesuatu yang mendatangkan keuntungan, pulangan dan kemasukan rakyat, bukan atas keperluan dan transaksi mereka.



52. Sistem cukai Islam yang menjadi instrumen kepada sistem ekonomi negara Islam, adalah untuk memastikan kuasa beli rakyat stabil dan kukuh. Justeru itu, bukan isu baik atau buruk GST yang dikenakan oleh kerajaan, tetapi dari perspektif manakah kita melihat dan menilainya. Mengenakan GST sememangnya baik bagi pandangan ekonomi moden konvensional yang melihat sebelah mata dan yang satu lagi buta, yang hanya memfokuskan kepada pengukuhan '*top fund*' negara sekalipun terpaksa memberikan kesan yang buruk kepada pendapatan dan simpanan rakyat, seterusnya menjadikan '*disposable income*' (pendapatan boleh guna) mereka semakin mengecil dan kuasa beli mereka semakin lemah.

53. Oleh itu, PAS konsisten untuk menentang pelaksanaan GST kerana ianya boleh melemahkan masa depan ekonomi negara melalui cukai yang memberikan kesan kelemahan kuasa beli rakyat di samping ianya sekadar menjadi ubat penahan sakit kepada kerajaan dengan menjadikan rakyat sebagai ramuannya, sedangkan ketirisan dan penyalahgunaan dana negara masih berleluasa.

#### **PENGURUSAN MAKLUMAT ZAMAN LANGIT TERBUKA**

54. Teknologi maklumat terkini adalah senjata canggih yang boleh digunakan untuk kebaikan dan kejahatan. Ianya adalah sedikit ilmu rahmat Allah kepada hambaNya yang mestilah digunakan dengan benar dan telus. Bagi PAS sewajarnya ICT dan media baru dijadikan wadah untuk merapatkan lagi hubungan interaksi sesama ahli dan pengundi serta mendekatkan masyarakat bukan Islam dengan Islam itu sendiri. Untuk itu, peranan ICT menjadi semakin penting dan perlu diperkukuhkan dalam organisasi parti bagi mengambil faedah daripada ledakan 'media baru' ini untuk dimanfaatkan sepenuhnya bagi tujuan kempen politik dan dakwah melalui laman sesawang, blog, *youtube*, *Facebook*, *Twitter*, web tvPAS dan radio internet *Hijau.fm*, selain dari ceramah dan bahan-bahan media cetak untuk mendekatkan diri pada masyarakat dan pengundi.

55. Seperti yang ditegaskan dalam muktamar lebih kurang enam bulan sebelum PRU ke-13 dulu, media parti seperti Harakah dan Harakahdaily mestilah berusaha membentuk fikrah dan menyampaikan maklumat berdasarkan acuan parti yang telah distrategikan bagi disampaikan kepada rakyat yang menjadi

pengundi senyap dalam pilihan raya, sesuai dengan psiko-politik yang saya jelaskan sebentar tadi.

56. Dalam pilihanraya umum ke-13 yang lepas, kawasan-kawasan bandar dan pinggir bandar di mana mempunyai capaian internet yang baik telah memihak kepada PAS dan Pakatan Rakyat. Cuma yang masih menjadi masalah kepada kita adalah kawasan-kawasan di luar bandar di mana capaian internetnya rendah atau tidak ada, di mana sindrom kebergantungan kepada maklumat yang disuapkan oleh pihak kerajaan UMNO-BN telah menyebabkan mereka gagal memahami persoalan yang kita bangkitkan.

57. Kefahaman ahli jamaah dalam menilai gelombang ledakan maklumat dari ICT ini juga mestilah diberi perhatian yang serius. Maklumat yang tidak dinilai, tidak diselidiki, yang bertebaran merata-rata tempat itu juga mampu untuk merenggangkan saf ahli yang sepatutnya berada dalam keadaan tersusun. Semua pihak dalam jamaah mestilah berdisiplin tinggi dan berakhlak dalam mengolah gelombang ledakan maklumat ini supaya tidak bertembung sesama sendiri yang akan merugikan jamaah itu sendiri.

## **PERANAN ANTARABANGSA**

**Hadirin-hadirat sekalian,**

58. Dunia umat Islam kini sedang berhadapan dengan pelbagai ujian dan cabaran. Di mata dunia antarabangsa, maruah serta nyawa umat Islam bagaikan tidak mempunyai apa-apa harga dan nilai. Lihat sahajalah apa yang terus berlaku di bumi Syria, Mesir, Myanmar, Kashmir, Afghanistan, Bangladesh dan Palestin; seolah-olah harga nyawa umat Islam lebih murah dari haiwan yang hina.

59. PAS amat tersentuh dengan apa yang berlaku di bumi Syria dan Mesir. Pertumpahan berdarah yang sedang berlaku di Syria mesti dihentikan segera. Konflik kemanusiaan yang amat meruncing ini berlaku berikutan kebangkitan rakyat Syria untuk menumbangkan rejim zalim Bashar al-Assad. Apa yang kita sedang lihat adalah amat trajis dan memilukan. Kini lebih 100,000 orang

rakyat Syria yang kebanyakannya rakyat awam yang terbunuh dan lebih dari 3 juta rakyatnya terpaksa menjadi pelarian di negara-negara jiran.

60. PAS berpendapat bahawa pertumpahan berdarah ini mesti dihentikan dengan segera manakala sebarang usaha campur tangan asing mestilah dihalang dalam menyelesaikan konflik ini. Amat jelas konflik ini didalangi percaturan dua blok Kuasa Besar iaitu Amerika Syarikat dan Rusia yang masing-masing menjadikan bumi Syria sebagai medan perebutan hegemoni kuasa dan kepentingan strategik mereka semata-mata. Biarlah rakyat Syria sendiri yang menentukan masa depan negara mereka sendiri. Apa yang pasti ialah rejim Bashar al-Assad mesti diturunkan segera, dan kekejaman yang berlaku disiasat oleh Tribunal Bebas Antarabangsa.

61. Peristiwa rampasan kuasa tentera serta pembunuhan beramai-ramai umat Islam di Dataran Raba'ah Adawiah, Mesir juga amat menyentuh hati-hati kita. Kekejaman rejim tentera pimpinan General Abdul Fatah as-Sisi seolah-olah dibiarkan sahaja oleh masyarakat dunia kononnya untuk menghapuskan kumpulan 'terroris' ataupun 'pengganas Islam'; walaupun yang di bunuh adalah terdiri dari kanak-kanak, ibu-ibu dan orang awam yang tidak berdosa.

62. Kemenangan Ikhwan Muslimin serta perlantikan Dr Mohamed Morsi sebagai Presiden pertama Mesir yang dipilih melalui pilihan raya yang adil juga amat menggerunkan Amerika Syarikat serta sekutu mereka di Timur Tengah. Inilah jelasnya sikap berat sebelah Amerika Syarikat dan sekutunya, di satu pihak bercakap soal demokrasi dan hak asasi kemanusiaan tetapi di satu pihak lagi bersekongkol menjatuhkan sebuah kerajaan pilihan rakyat yang sah *'untuk mempertahankan rejim tentera yang menjaga kepentingan mereka'*. Kuasa besar ini menutup mata terhadap kekejaman rejim as-Sisi yang melakukan pencabulan demokrasi dan hak asasi serta pembunuhan.

63. Persoalannya, apakah definasi serta kayu-ukur yang digunakan oleh Amerika Syarikat dan sekutu rapatnya bagi melaksanakan keadilan antarabangsa ini, terutamanya terhadap negara-negara umat Islam seperti Mesir ? Jawapannya :

faktor terpenting bagi mereka terus menguasai negara – negara umat Islam adalah dengan memastikan **“kepentingan strategik Amerika bagi melindungi sumber tenaga dan keselamatan negara haram Zionis Israel”**. Pemerintah yang ‘adil’ seperti rejim tentera as-Sisi sekarang adalah pemerintah yang tunduk kepada arahan Amerika Syarikat dan negara haram Zionis Israel, manakala kerajaan yang ‘demokratik’ menurut tafsiran Amerika Syarikat adalah negara yang tidak menggugat keselamatan negara haram Israel, serta mempunyai polisi minyak yang akan memastikan kepentingan hegemoni Amerika Syarikat di negara-negara umat Islam.

64. Namun saya amat yakin bahawa “kuasa rakyat dan kebenaran” akan terus bangkit dan tidak akan dapat disekat lagi walaupun dengan segala kepakaran dan persenjataan yang dibekalkan oleh Amerika Syarikat serta sekutunya. Walaupun Morsi telah berjaya digulingkan, dan ramai pimpinan Ikhwan yang kini di seksa di penjara, rakyat Mesir akan terus bangkit dan menyemarakkan tuntutan ‘hak serta kebebasan mereka’. Bagi saya, apa yang sedang berlaku di Mesir lambat laun akan tetap merubah pola politik dunia Islam dan antarabangsa.

#### **Hadirin-hadirat sekalian,**

65. PAS juga amat prihatin terhadap nasib umat Islam di rantau ini iaitu di Bangladesh dan Myanmar. Umat Islam di kedua-dua negara yang bergolak ini terus dibebani dengan konflik yang tidak nampak jalan penyelesaiannya.

66. Di Bangladesh, pertumpahan berdarah masih berterusan sehingga sekarang. Ramai kalangan pimpinan tertinggi Jama’at Islami Bangladesh termasuk Amir Jama’at sendiri telah diseret ke Tribunal Mahkamah Tentera dengan tuduhan ‘pengkhianat negara’ dan telah dijatuhkan dengan hukuman gantung dan penjara seumur hidup.

67. Begitu juga di Myanmar, di mana penduduk minoriti Rohingya telah di halau dari bumi mereka sendiri dengan berlakunya pembantaian umat Islam dengan

membakar perkampungan mereka, sekolah-sekolah serta masjid-masjid yang mengakibatkan beribu-ribu umat Islam Rohingya kini menjadi pelarian.

68. PAS ingin membuat seruan terbuka kepada kedua-dua negara jiran kita agar kekejaman ini di hentikan segera. Tiada penyelesaian kecuali kembali ke meja rundingan dan mencari jalan damai. Saya ingin menegaskan bahawa PAS sentiasa mencari jalan bagi membantu saudara-saudara kita di kedua-dua negara berkonflik ini.

69. Perkembangan terkini di bumi Gaza terutamanya selepas rampasan kuasa tentera berlaku di Mesir juga amat menyedihkan kita. Pintu sempadan di Rafah kini di kawal ketat dan rejim Zionis Israel berterusan mengepung bumi yang berkependudukan sejumlah 1.6 juta orang itu tanpa sebarang peri kemanusiaan seperti mengurung rakyat Gaza dalam satu penjara besar. Rejim Zionis terus bertindak memutuskan bekalan elektrik dan air serta menyekat bantuan makanan dan perubatan dari sampai kepada penduduk yang tidak berdosa.

70. Apa yang lebih menyedihkan lagi adalah sebahagian besar dari pemimpin dunia Islam masih di kongkong dengan tekanan hegemoni Zionis di negara umat Islam sendiri. Tambahan pula boleh dikatakan semua badan-badan antarabangsa seperti Kesatuan Eropah (EU), Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), termasuklah Pertubuhan Sidang Negara-Negara Islam (OIC) kesemuanya membisu seribu bahasa terhadap jenayah yang dilakukan oleh tentera Zionis ini.

71. Sekali lagi saya ingin tegaskan bahawa bagi PAS, isu Palestin serta pembebasan Masjid Al-Aqsa kekal menjadi agenda terpenting di peringkat antarabangsa.

**Hadirin dan hadirat sekalian,**

**SEPULUH ARAHAN**

1. Semua pihak dalam Dewan, Lajnah, Badan Perhubungan PAS Negeri dan Wilayah serta Kawasan mestilah mempunyai kefahaman yang jelas terhadap tema "RAHMAT UNTUK SEMUA", dan seterusnya bertindak merangka perancangan dan strategi pelaksanaan agar intipati ini dapat berada dalam masyarakat dan difahami bahawa dasar Islam ini dibawa oleh PAS. Jadikanlah tema ini sebagai sesuatu yang benar bernafas, bukan sekadar slogan kosong yang sedap didengar sebagai halwa telinga untuk Muktamar semata-mata.
2. Badan Perhubungan PAS Negeri-Negeri dan Wilayah Persekutuan juga perlu lebih dinamik dalam gerakerja tersusun yang mempunyai sasaran bulanan dan tahunan, menambahkan ahli yang berkualiti, mendekati medan baharu dalam masyarakat, dan mempunyai sekurang-kurangnya 50% program di kalangan ahli baharu atau masyarakat awam di luar lingkungan ahli jamaah. Penentuan petunjuk prestasi perlu dibangunkan, sebagai sasaran kerja yang lebih terarah. Kukuhkan organisasi parti dengan berbagai ilmu pengurusan, kepimpinan perlu dibajai dengan tarbiyah untuk membentuk diri seterusnya mengikhlaskan niat perjuangan. Usaha yang berterusan untuk mengaktifkan ILHAM, dan modul-modul pembinaan diri ahli di berbagai peringkat mestilah diperkukuhkan dengan menjadikannya sebagai salah satu sasaran tahunan.
3. Sabah dan Sarawak adalah rakan penting dalam pembentukan Malaysia. Rakyat di sana telah bersama dalam referendum yang melahirkan negara Malaysia, maka hargailah hasil yang turut sama dibina oleh rakyat Sabah dan Sarawak ini. Maka seluruh jentera PAS di medan ini perlulah berusaha gigih untuk menyedarkan rakyat tentang hak mereka ini supaya tidak dibuli oleh UMNO-BN disetiap masa dan ketika. Badan Perhubungan PAS di Sabah dan Sarawak pula perlulah melengkap dan memperkemaskan organisasi, mempertingkatkan kerja dakwah, menghilangkan phobia masyarakat di sana terhadap PAS, dan seterusnya merakyatkan PAS supaya diterima sebagai parti yang berupaya menjadi tempat bergantung mereka.
4. Dewan Ulama pula merupakan nadi denyutan jamaah yang perlu bertindak pantas menjadi jurubicara jamaah dan menjelaskan isu di sekitaran dengan merujuk kepada panduan al-Quran dan as-Sunnah, ijma dan qiyas. Bahan-bahan penerbitan dalam pelbagai rupa dan bentuk yang bersesuaian dengan masyarakat perlu lebih dinamik dan bertenaga menjelaskan pendirian jamaah khususnya menterjemahkan Islam bagi menangani masalah semasa, juga membantu kerajaan negeri melaksanakan Islam yang

menjadi rahmat kepada seluruh alam. Perbincangan ilmiah dan seminar khusus dalam memahami persoalan *maqasid syariah*, *siyasah syari'yyah*, perlu dijalankan dari masa ke semasa untuk menangani ketidakfahaman dalam masyarakat kita ini dan seterusnya menyediakan penyelesaian yang sesuai untuk sepanjang zaman.

5. Dewan Pemuda pula mestilah sentiasa dinamik, melengkapkan diri dengan ilmu Islam dan kefahamannya, serta bersedia menyambung legasi perjuangan kepimpinan terdahulu sehingga mampu untuk melakukan islah di dalam masyarakat Malaysia yang masih sarat dengan berbagai fikh yang berlawanan dengan Islam. Inovasi baharu dakwah perlu diterokai. Pemuda juga perlu mendepani isu semasa nasional, tempatan dan antarabangsa; dan mampu mengenengahkan permasalahan ummah dan mencadangkan penyelesaiannya dengan menonjolkan Islam sebagai rahmat untuk sekalian alam. Program siyasah yang bersifat inklusif perlulah diterokai untuk mendekatkan diri kepada masyarakat awam di luar sana.
6. Dewan Muslimat perlulah mendepani berbagai isu dalam bahasa yang mudah dan menyentuh hati nurani masyarakat dalam negara kita ini, bahkan menerokai isu-isu antarabangsa. Program dalaman seperti tarbiyah wajar dimantapkan lagi, sejajar dengan keperluan semasa terutamanya untuk berdepan dengan zaman penggunaan pelbagai media supaya Dewan Muslimat berperanan besar dalam masyarakat terkini yang meletakkan kaum wanita menjadi penentu kepada wajah umat dan negara.
7. Dewan Himpunan wajar untuk diperkembangkan peranan mereka dengan mempunyai modul-modul latihan khusus kepada ahlinya. Modul ini perlu dibangunkan, untuk melahirkan ahli Dewan Himpunan yang mampu bergerak dengan lebih baik lagi sebagai satu dari sayap parti yang penting, menjadi jambatan atau pintu yang menghubungkan rahmat Islam perjuangan PAS kepada kaum bukan Islam.
8. Kawasan dan Cawangan perlu mempunyai sasaran kerja yang jelas yang dan dipantau oleh pimpinan negeri. Zaman mesyuarat tanpa fail dan tidak berkala itu adalah sudah berlalu. Program dalaman seperti program tarbiyah dan latihan mestilah menjadi agenda yang penting dalam aktiviti Kawasan dan Cawangan.
9. Ahli dan kepimpinan PAS yang memikul amanah sebagai Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Majlis dan Anggota Lembaga Pengarah, Ketua Kampung dan semua yang berkaitan perlulah melaksanakan amanah dengan sepenuhnya mengikut adab dan batas-batas akhlak, kerana peranan mereka yang telah dipilih oleh rakyat ini adalah sebagai wajah depan PAS. Prestasi mereka akan dipantau, dinilai dan akan dibantu oleh jemaah sekiranya terdapat kelemahan dalam

melaksanakan tugas mereka. Semua dari kalangan mereka ini akan dijemput menyertai forum, perbincangan meja bulat, bengkel dan sesi latihan yang bersesuaian supaya lebih mahir dan dapat membantu dalam menjalankan tugas masing-masing.

10. Ahli – ahli PAS secara keseluruhannya perlulah mempunyai disiplin dan akhlak yang tinggi, merapatkan saf ahli, mempunyai hubungan dengan Allah yang kuat, berada dalam suasana sentiasa dahagakan ilmu, dan seterusnya terlibat dalam aktiviti majlis ilmu, usrah, tamrin, muqayyam dan sebagainya dengan pelbagai pendekatan yang sesuai dengan waqi' dan keupayaan masing-masing.

## **PENUTUP**

72. Akhirnya, marilah sama-sama kita perteguhkan jamaah, perkukuhkan saf perjuangan, murnikan fikrah, dan mantapkan keyakinan kita kepada janji Allah S.W.T. kepada sesiapa yang berjuang di jalan Nya, yang berbeza dengan yang tidak berjuang, sebagaimana yang dinyatakan dalam firman Allah SWT :

نَ مِنْ الْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُولِي الضَّرَرِ وَالْمُجَاهِدُونَ فِي  
لَهُمْ وَأَنْفُسِهِمْ فَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ بِأَمْوَالِهِمْ  
هَمَّ عَلَى الْقَاعِدِينَ دَرَجَةً وَكُلًّا وَلَعَسَدٌ لِلَّهِ وَافَضَّلَ اللَّهُ  
جَاهِدِينَ عَلَى الْقَاعِدِينَ أَجْرًا عَظِيمًا

*“Tidaklah sama antara mukmin yang duduk (yang tidak turut berjuang) yang tidak mempunyai uzur dengan orang-orang yang berjihad di jalan Allah dengan harta mereka dan jiwanya. Allah melebihkan orang-orang yang berjihad dengan harta dan jiwanya atas orang-orang yang duduk satu derajat. Kepada masing-masing mereka Allah menjanjikan pahala yang baik (surga) dan Allah melebihkan orang-orang yang berjihad atas orang yang duduk dengan pahala yang besar”.*

73. Bagi pihak seluruh kepimpinan PAS, saya ingin menyampaikan ucapan terimakasih di atas khidmat seluruh Ahli Jawatankuasa PAS Pusat dan kepimpinan Badan Perhubungan PAS Negeri dan Wilayah, Lajnah-lajnah di seluruh peringkat yang menjalankan amanah sepanjang sesi 2011 – 2013 ini. Kami memohon maaf kepada seluruh ahli PAS di atas segala kelemahan dan kekurangan kami dalam



menjalankan tugas, moga-moga usaha kecil kami ini mendapat ganjaran pahala dan rahmat Allah SWT serta keampunanNya jua.

74. Akhirnya, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan penghargaan terimakasih yang tidak terhingga kepada Pengerusi, Pengarah dan Jawatankuasa Panitia Muktamar, Badan Perhubungan Selangor dan Wilayah Persekutuan, Petugas-petugas, Anggota Jabatan Amal dan semua pihak yang menjayakan Muktamar ke 59 ini. Mudah-mudahan segala amal ini mendapat ganjaran pahala di sisi Allah s.w.t.

75. Saya RASMIKAN Muktamar PAS kali ke 59 ini dengan menyebut sabda Rasulullah S.A.W. :

سيروا على بركة الله .

وآخر دعوانا أن الحمد لله رب العالمين .

الله أكبر , الله أكبر , الله أكبر , والله الحمد .